



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KUPASAN MUTU JAWAPAN

BAHASA MELAYU 2
1103/2

S P M
2 0 1 6

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod : 1103/2
Markah : 110
Masa : 2 jam 30 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Mempunyai 4 soalan – semua soalan mesti dijawab.

Soalan 1 : Rumusan - 30 markah
Soalan 2 : Pemahaman - 35 markah
(Petikan umum, Prosa Moden, Prosa Klasik dan Puisi Moden/Klasik)
Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa - 30 markah
Soalan 4 : Novel - 15 markah

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1: Rumusan

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja dan kepentingan memupuk semangat patriotisme. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Patriotisme pada umumnya dikaitkan dengan semangat kecintaan dan pengorbanan yang kuat untuk negara. Semangat cinta akan negara ini perlu disemai dan dipupuk dalam kalangan remaja kerana semangat itu tidak hadir sendiri tanpa memahami sejarah negara secara jelas. Sejak akhir-akhir ini, semangat patriotisme dikatakan semakin menipis dalam diri remaja kerana generasi pascamerdeka itu tidak pernah merasai jerih perih seperti yang dialami pejuang kemerdekaan tanah air suatu ketika dahulu. Mereka juga berasa selesa dengan kehidupan hari ini. Sehubungan dengan itu, semangat patriotisme mesti disemai melalui sistem pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sejarah, bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Pada masa yang sama, penerapan elemen sejarah melalui mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Kajian Tempatan dan Kesusasteraan Melayu turut dapat menyemai semangat tersebut.

Untuk membina semangat patriotisme dan rasa cinta remaja terhadap negara, pelbagai aktiviti menarik boleh dilaksanakan melalui aktiviti kokurikulum di sekolah seperti Persatuan Sejarah, Kelab Rukun Negara dan Kelab Setia. Di samping itu, kempen sayangi negara hendaklah diadakan secara berterusan. Media elektronik seperti televisyen dan radio perlu menyiarkan dokumentari tentang pejuang kemerdekaan dan menayangkan filem-filem yang berkaitan dengan peristiwa bersejarah negara kita. Penyebaran maklumat tentang peristiwa bersejarah melalui laman sosial perlu dilaksanakan dengan harapan remaja dapat menggunakan kreativiti mereka dengan memuat naik peristiwa-peristiwa sejarah secara interaktif supaya semangat patriotisme dapat diterapkan. Selain itu, program sambutan bulan kemerdekaan perlu dijalankan untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan remaja. Program-program seperti pertandingan nyanyian lagu patriotik, pementasan teater dan drama yang bercorak kenegaraan boleh dianjurkan oleh badan bukan kerajaan, pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan supaya mesej semangat cinta akan negara sampai kepada *golongan sasaran*. Namun, program tersebut kurang berjaya dalam mencapai matlamatnya kerana kurangnya penghayatan para remaja dalam aktiviti bercorak kenegaraan tersebut.

Dalam memupuk semangat patriotisme, ibu bapa turut memainkan peranan penting dengan menunjukkan teladan kepada anak-anak. Misalnya, ibu bapa bersama anak-anak mengibarkan Jalur Gemilang atau melawat tempat-tempat bersejarah tanah air. Akan tetapi, terdapat segelintir ibu bapa yang kurang berperanan dalam menerapkan semangat patriotisme dalam jiwa anak-anak mereka menyebabkan hasrat memupuk semangat patriotisme terjejas. Para remaja juga perlu dididik dan diterapkan konsep berpegang pada prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara yang terdapat dalam Rukun Negara. Penerapan terhadap prinsip ini diharap dapat melahirkan remaja yang bersemangat patriotisme dalam meniti arus globalisasi. Oleh itu, setiap rakyat negara ini perlu mempunyai semangat patriotisme dalam mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara tercinta.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memupuk Semangat Patriotisme melalui Sejarah'
oleh Azam Rahman,
Dewan Siswa, Ogos 2014

Tugasan soalan ini meminta calon menghasilkan rumusan yang terdiri daripada pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan.

Pendahuluan

Contoh jawapan 1

Rumusan membincangkan usaha-usaha ~~iniciatif~~ memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja dan keperiboga' ~~iniciatif~~ semangat patriotisme.

Calon berjaya menjawab pendahuluan dengan tepat dan lengkap. Pendahuluan calon merangkumi cara-cara memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja. Calon berjaya menukar kata kunci dengan perkataan sinonim. Ayat yang digunakan gramatis dan tidak menggunakan soalan sebagai jawapan. Pendahuluan rumusan dapat menggambarkan keseluruhan isi dalam petikan rumusan yang diberikan.

Contoh jawapan 2

Petikan membincangkan usaha-usaha memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja di Malaysia.

Pilihan penulisan pendahuluan yang menggunakan perkataan "petikan" seperti yang di atas juga boleh diterima. Calon berjaya menjawab pendahuluan dengan tepat dan lengkap dengan menambah unsur keterangan tempat iaitu "di Malaysia".

Isi Tersurat

Contoh jawapan 1

Amalananya ialah semangat patriotisme disemai melalui sistem pendidikan, khususnya dalam mata pelajaran Sejarah dan peringkat sekolah rendah. Selanjutnya, penekapan elemen sejarah melalui mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Kaedah Tempatan dan Kesusasteraan Melayu. Kemudian, kempen sejarah negara diadakan secara berterusan. Selanjutnya, program sambutan wulan kemerdekaan dijalankan untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja. Selain itu, ibu bapa memainkan peranan penting menunjukkan teladan kepada anak-anak. Akhir sekali, para remaja dididik dan diterapkan konsep berpegang pada prinsip ketuhanan kepada Raja dan Negara dalam Rukun Negara.

Calon dapat memahami tugas soal dan berjaya mengemukakan isi tentang usaha-usaha memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja. Calon berjaya mengemukakan maksimum enam isi tersurat sebagaimana yang dikehendaki soal. Kesenambungan isi yang dikemukakan oleh calon amat baik dengan menggunakan pelbagai penanda wacana. Ayat yang digunakan gramatis dan tiada kesalahan tatabahasa. Ayat yang dibina juga sempurna, lengkap dan ayat tidak tergantung. Penulisan ayat yang lengkap dan sempurna bagi setiap pernyataan isi menjadikan penyampaian setiap isi tersurat yang diperlukan lebih sempurna.

Isi Tersirat

Contoh jawapan 2

Antara kepentingan memupuk semangat patriotisme ialah
melahir masyarakat yang menghargai hasil perjuangan para
pejuang negara. Selain itu, melahir masyarakat yang bersatu padu
dalam mempertahankan negara.

Calon telah berjaya mengemukakan isi tersirat tentang kepentingan memupuk semangat patriotisme selengkapnya. Idea yang dikemukakan munasabah dan sesuai dengan situasi. Kematangan berfikir melalui idea yang bernas dapat dikesan melalui jawapan isi tersirat yang dikemukakan. Isi tersirat maksimum sebanyak dua isi mencukupi. Kebolehan calon dapat mengawal bilangan perkataan isi tersirat tanpa berlewat dalam penggunaan ayat.

Kesimpulan

Contoh jawapan

kesimpulannya, semua pihak perlu menggembelng usaha
untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja
agar negara menjadi aman.

Penulisan kesimpulan yang diberikan menepati isu yang dikemukakan dalam petikan soal 1. Isu yang difokuskan dalam penulisan kesimpulan dapat dinyatakan dengan jelas bersama cadangan dan harapan. Hal ini menunjukkan kematangan merumus pada akhir jawapan calon untuk tugas soal ini. Penulisan kesimpulan dalam satu ayat yang tepat dan lengkap. Bahasa yang digunakan juga mematuhi sistem bahasa Melayu baku.

Contoh jawapan

Petikan membincangkan usaha-usaha memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja di Malaysia.

Antara caranya, semangat patriotisme mesti disemai melalui sistem pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sejarah dan penerapan elemen sejarah melalui mata pelajaran lain. Seterusnya, ~~perba~~ pelbagai aktiviti menarik boleh dilaksanakan melalui aktiviti kokurikulum di sekolah dan kempen sayang negara hendaklah diadakan secara berterusan. Selain itu, Program sambutan bulan kemerdekaan perlu dijalankan untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan remaja dan ibu bapa turut memainkan peranan penting dengan menunjukkan teladan kepada anak-anak.

Antara kepentingan memupuk semangat patriotisme ialah melahirkan masyarakat yang menghargai hasil perjuangan para pejuang negara. Selain itu, melahirkan masyarakat yang bersatu padu dalam mempertahankan negara.

Kesimpulannya, semua pihak perlu menggembleng usaha untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja agar negara menjadi aman.

Susunan rapi jawapan yang ditulis calon kemas, teratur dan sistematik. Calon dapat menyusun pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan. Jumlah patah perkataan masih terkawal dan tidak melebihi had yang diperuntukkan. Kualiti jawapan amat memuaskan dan tidak terpesong daripada isu yang dibincangkan dan calon berjaya mendapat markah penuh.

Soalan 2(

Soalan 2 (a)-Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata golongan sasaran.

Tugasan soalan ini meminta calon menerangkan maksud rangkai kata berdasarkan penggunaan dalam petikan.

Contoh jawapan

Maksud rangkai kata golongan sasaran.

Golongan sasaran ialah kumpulan yang ditargetkan/ditujukan.

Maksud rangkai kata yang diuji dapat dijawab dengan tepat dan dalam ayat yang lengkap. Hal ini menunjukkan pemahaman calon terhadap rangkai kata yang diuji. Calon juga memberikan tafsiran maksud keseluruhan rangkai kata.

- (ii) Pengarang menyatakan beberapa faktor yang menyebabkan semangat patriotisme semakin menipis dalam kalangan remaja. Apakah faktor-faktor tersebut?

Tugasan soalan ini meminta calon mengemukakan faktor-faktor yang menyebabkan semangat patriotisme semakin menipis dalam kalangan remaja berdasarkan petikan.

Contoh jawapan

ii. Faktor semangat patriotisme semakin menipis.

Faktor-faktor yang menyebabkan semangat patriotisme dalam jiwa

remaja semakin menipis dalam kalangan remaja ialah remaja tidak

pernah merasai jehat seperti yang dialami pejuang tanah air

suatu ketika dahulu. Selain itu, remaja juga berasa selesa dengan

kehidupan hari ini sehingga tidak mengharai nikmat kemerdekaan

yang telah dicapai.

Keseluruhannya, calon memahami kehendak tugasan soalan dan dapat mengenal pasti kedudukan jawapan yang terdapat dalam petikan. Calon juga boleh menggunakan ayat

sendiri dengan lengkap dan sempurna. Calon dapat mengemukakan jawapan secara teratur dengan menggunakan penanda wacana yang tepat.

- (iii) Pejuang-pejuang kemerdekaan telah berjaya menanamkan semangat patriotisme dalam jiwa rakyat Malaysia sehingga kini.

Pada pendapat anda, apakah perkara-perkara yang dapat dilakukan agar jasa-jasa mereka kekal subur dalam jiwa generasi akan datang?

Tugasan soalan ini meminta calon mengemukakan pendapat mereka yang berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh dilakukan bagi mengenang jasa pejuang kemerdekaan supaya terus diingati.

Contoh jawapan

Pada pendapat saya, perkara-perkara yang dapat dilakukan agar jasa-jasa mereka kekal subur dalam jiwa generasi akan datang ialah dengan membina tugu peringatan terhadap pejuang-pejuang negara yang telah tertorban. Selain itu, jasa-jasa pejuang negara perlu diburukkan. Contohnya, buku sejarah bagi pelajar sekolah yang banyak mengenang jasa pejuang terdahulu. Tugu dapat dijadikan sebagai simbolik perjuangan mereka dan dapat dilihat sendiri oleh generasi akan datang. Contohnya, Tugu negara di Kuala Lumpur. Selain itu, jasa-jasa pejuang negara perlu diburukkan dengan usaha segala perjuangan dan mereka dapat disemai oleh generasi akan datang. Contohnya, buku teks sejarah bagi pelajar sekolah yang banyak mengisahkan tentang pejuang negara.

Calon memahami tugasan soalan yang diberi. Calon mampu memberikan isi-isi yang menepati kehendak soalan dalam jumlah yang mencukupi dan huraian yang jelas. Pengetahuan yang luas mampu dibuktikan berdasarkan jawapan calon yang menepati Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Contohnya, calon mencadangkan pembinaan tugu yang kekal menjadi ingatan yang subur mengenang jasa pejuang. Jawapan diberikan menggunakan bahasa yang baik dan maksud berjaya disampaikan selengkapnya. Huraian jawapan calon yang matang berdasarkan pengalaman menjadikan jawapan meyakinkan dan tepat.

Soalan 2 (b)- Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Ini arahan, Nusiah." Suara doktor yang berkerudung ungu itu kendur. Mukanya muram.

"Darah dan manusia itu, berbezaakah nilainya? Kalau harganya pangkat dan darjat, padamkan saja istilah kemanusiaan dalam hati. Untuk apa kalau semuanya boleh dibeli?"

"Nusiah!"

Aku cepat-cepat beredar. Suara Doktor Murni melantun ke dinding pejal wad Unit Rawatan Rapi. Solehah yang tenat, yang pundi janinnya pecah di ovari, juga sedang koma. Al-Hafiz masih terlantar, tulang selangkanya patah riuk, diheret kereta sejauh dua meter di tar keras, tidak pernah pun dijenguk Profesor Doktor Juaidi.

Juga si kecil, bayi buangan yang hampir kekeurangan darah. Gadis malang yang dibelasah hingga tinggal nyawa-nyawa ikan dan mahasiswa leukemia yang semakin cair sel darah merah di tubuhnya itu, tidak perlukah mereka itu diberi darah?

"Hidup yang ditentukan oleh tangan manusia ini, tidak pernah adil, Solehah." Titis air mataku gugur di hujung jari Solehah. "Engkau hanya memerlukan tiga pek darah sahaja, tetapi tidak diberikan. Tuan Besar Musa itu, tubuhnya tidak mahu menerima darah tetapi pakar-pakar itu ...," sebak menyendat di dadanya.

"Dapatkan 10 pek darah sekarang!" Arah Profesor Doktor Juaidi apabila cupingnya diusapi suara lembut Doktor Murni, yang menyampaikan berita tentang bank darah yang kontang. "Dapatkan di hospital lain; segera."

Dipetik daripada cerpen 'Gerhana Manusia'
oleh Aminah Mokhtar
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Calon dikehendaki meneliti dan memahami petikan cerpen sebelum menjawab soalan-soalan yang disediakan.

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, nyatakan kes-kes rawatan yang memerlukan darah tambahan

Tugasan soalan ini meminta calon menyatakan kes-kes rawatan yang memerlukan darah tambahan seperti yang terdapat dalam petikan.

Contoh jawapan

Antara kes yang rawatan yang memerlukan darah tambahan ialah pundi janin yang pecah di ovari, tulang selangka yang patah riuk, bayi buangan yang hampir kekeurangan darah dan, gadis malang yang tinggal nyawa-nyawa ikan dan mahasiswa yang leukemia.
--

Isi jawapan yang tepat dalam petikan cerpen berjaya dipilih mengikut tugasan soalan. Calon berjaya mengemukakan isi-isi yang terdapat dalam petikan secara sistematik dan menggunakan ayat sendiri yang sempurna.

- (ii) Kempen derma darah giat dijalankan namun masih kurang mendapat sambutan sehingga bekalan darah di hospital sering tidak cukup

Pada pandangan anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai kurang menderma darah?

Tugasan soalan ini meminta calon memberikan pandangan sebab-sebab orang ramai kurang menderma darah pada hari ini.

Contoh jawapan

ii) Pada pendapat saya ~~orang ramai~~ faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai kurang menderma darah ialah ^{masyarakat} ~~mereka~~ tidak mempunyai kesedaran tentang kebaikan derma darah kerana masyarakat tidak pernah di dedahkan dengan rebakan kempen derma darah. ~~Setelah itu~~ Selain itu, masyarakat takut mereka akan terkena virus penyakit-penyakit ~~mempt~~ berbahaya yang ~~boleh~~ ^{boleh} di dapati kerana virus penyakit berbahaya boleh berjangkit apabila ~~kt~~ berkongsi jorum yang sama. Seterusnya, ~~Masyarakat~~ masyarakat tidak ^{tahu} ~~mendapat~~ cara untuk menderma darah dengan betul kerana cara-cara menderma darah yang betul tidak pernah ^{di maklumkan} ~~di war~~ ~~warkan~~ oleh pihak hospital

Calon dapat mengemukakan pendapat dengan memberikan isi-isi yang tepat mengikut tugasan soalan. Jawapan yang diberikan menggambarkan tahap kematangan dan pengetahuan yang luas tentang isu semasa yang dikemukakan. Calon dapat mengupas dan memberi komen yang bersesuaian. Contohnya masyarakat takut menderma darah kerana takut terkena virus penyakit-penyakit berbahaya. Berdasarkan pengalaman, pengamatan dan pemerhatian situasi di sekeliling dapat membantu memberikan jawapan yang tepat.

- (ii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan **satu** latar masyarakat lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

Tugasan soalan ini meminta calon menghuraikan satu latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan satu latar masyarakat daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

Contoh jawapan

iii) Satu latar masyarakat yang terdapat dalam petikan ialah masyarakat yang prihatin ^{dan bersimpati} terhadap ^{nasib} orang lain. Contohnya, Nusia bersimpati terhadap para pesakit di wad Unit Rawatan Rapi yang tidak diberikan rawatan yang sewajarnya diterima oleh mereka. Satu latar masyarakat lain daripada keseluruhan cerpen ialah masyarakat yang berani menanggung risiko. Contohnya, Nusia berjaya ~~in~~ ~~menyediakan~~ ~~teknik~~ memujuk juru teknik makmal darah untuk memberi pek darah yang sepatutnya diberikan kepada Tuan Besar Musa dan berani menanggung risiko sekiranya dia dipecat oleh Profesor Doktor Juaidi.

Calon dapat mengemukakan latar masyarakat dengan merujuk petikan dengan tepat dan contoh yang bersesuaian. Calon juga mampu memberikan satu lagi latar masyarakat dalam keseluruhan cerpen. Hal ini membuktikan bahawa calon berkebolehan mengenal pasti satu latar lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen. Jawapan yang diberikan menggambarkan tahap kematangan calon dan memiliki pengetahuan yang luas tentang isu yang dikemukakan.

Soalan 2(c)- Petikan Prosa Tradisional

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, “Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?”

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.”

Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi. Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu, “Siapa tuan hamba ini?”

Maka kata orang itu, “Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat pakanira, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira”. Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Calon dikehendaki memahami isi kandungan prosa tradisional terlebih dahulu sebelum meneliti soalan yang disediakan.

- (i) Berdasarkan petikan tersebut, mengapakah orang suruhan Patih Gajah Mada datang ke rumah ibu Kertala Sari?

Tugasan soalan ini meminta calon memberikan sebab-sebab orang suruhan Patih Gajah Mada datang ke rumah ibu Kertala Sari.

Contoh jawapan

Orang suruhan Patih Gajah Mada datang ke rumah ibu Kertala Sari kerana ingin melihat jika pakanira sudah datang dari Daha atau belum kerana Patih Gajah Mada ingin berjumpa dengan manira.

Calon memahami kehendak tugasan soalan dan dapat mengenal pasti jawapan berdasarkan petikan prosa tradisional. Mereka juga dapat mengemukakan jawapan dengan menggunakan ayat sendiri yang lengkap dan sempurna. Jawapan yang diberikan sangat teratur serta menggunakan bahasa dan ayat yang sempurna.

- (ii) Nyatakan reaksi Kertala Sari setelah mendengar cerita tentang bapanya yang mati dibunuh.

Tugasan soalan ini meminta calon memberikan reaksi Kertala Sari setelah mendengar cerita tentang bapanya yang mati dibunuh.

Contoh jawapan

Reaksi Kertala Sari setelah mendengar cerita tentang bapanya yang mati dibunuh ialah, Kertala Sari sangat sangat marah. Dia juga takut berkata ingin membunuh Ratu Melaka dan Laksmang. Selain itu, beliau juga berkata ingin memusnahkan negeri Melaka.

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan menggunakan ayat sendiri yang lengkap dan sempurna. Jawapan yang diberikan sangat sistematik dan kemas. Ternyata calon memahami petikan teks klasik dan berjaya memahaminya mengikut gaya bahasa Melayu moden.

- (iii) Perbuatan membalas dendam merupakan perbuatan yang tidak baik. Seandainya anda ibu Kertala Sari, apakah tindakan-tindakan yang dapat anda lakukan supaya Kertala Sari membatalkan niatnya untuk membalas dendam?

Tugasan soalan ini meminta calon memberikan pendapat sebagai ibu Kertala Sari agar Kertala Sari tidak membalas dendam atas kematian bapanya.

Contoh jawapan

Sekiranya saya merupakan ibu Kertala Sari, saya akan menasihatkannya supaya bersabar dan menyuruhnya membantah kerajaan yang melakukan hukuman ~~tersebut~~ kepada pembunuh tersebut. Selain itu saya akan melarangnya keluar dari rumah dan menyuruhnya menyuruh Kertala Sari supaya berfikir tentang risiko yang bakal dihadapinya nanti. Saya juga akan meminta bantuan daripada pihak istana untuk mencari dan menghukum pembunuh tersebut supaya Kertala Sari tidak bertindak sendiannya.

Calon berupaya menghuraikan jawapan dengan jelas dan tepat. Calon berjaya menjiwai perwatakan ibu Kertala Sari hingga membolehkan mereka mengemukakan cadangan yang logik dan tepat. Jawapan yang diberikan menunjukkan kematangan calon dalam memberikan pendapat. Di samping dapat mengemukakan isi yang tepat dan bernas, calon juga mampu menghuraikan isi dengan baik.

Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Beberapa Petua Hidup

Fikir dan Kata

Kurang fikir, kurang siasat,
Tentu dirimu kelak tersesat.

Fikir dahulu sebelum berkata,
Supaya terelak silang sengketa.

Perkataan tajam jika dilepas,
Ibarat beringin, racun dan upas.

Kalau mulut tajam dan kasar,
Boleh ditimpa bahaya besar.

Silang Sengketa

Siapa menggemari silang sengketa,
Kejaknya pasti berdukacita.

Silang selisih jangan dicari,
Jika tersua janganlah lari.

Dipetik daripada gurindam 'Beberapa Petua Hidup'
oleh Za'aba
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Calon dikehendaki memahami maksud puisi tradisional sebelum menjawab soalan-soalan yang disediakan.

- (i) Berdasarkan gurindam tersebut, nyatakan **dua** kesan buruk sekiranya kita silap dalam berkata-kata.

Tugasan soalan ini meminta calon memberikan dua kesan buruk sekiranya kita silap dalam berkata-kata seperti dinyatakan dalam gurindam.

Contoh jawapan

Berdasarkan gurindam tersebut, ~~itua~~ kesan buruk selamanya kita silap dalam berkata-kata. Kalau kita akan ditimpa musibah, kita akan menyakiti perasaan orang lain dan kita akan menyebabkan kemudaratan berlaku.

Calon dapat mencari jawapan yang tepat tanpa terpesong. Jawapan mereka menggambarkan tahap penguasaan pemahaman kosa kata yang luas dan tinggi. Ternyata gurindam yang menjadi kajian difahami maksudnya sehingga calon berjaya memberi jawapan yang tepat.

- (ii) Silang sengketa atau perselisihan faham boleh merenggangkan hubungan.

Pada pandangan anda, apakah perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk mengelakkan perselisihan faham dengan pihak lain?

Tugas soalannya ini meminta calon menyatakan perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk mengelakkan perselisihan faham dengan pihak lain.

Contoh jawapan

(ii) Pada pandangan saya, perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk mengelakkan perselisihan faham dengan pihak lain adalah dengan menerima pandangan orang lain dengan hati terbuka. Selain itu, elakkan diri daripada menunjukkan kelebihan diri secara berlebihan bagi mengelakkan ketidakpuasan orang lain. Akhir sekali, kita mestilah menjaga perkataan dan fikir sebelum berkata-kata.

Pendapat dan isi dapat dikemukakan dengan tepat mengikut tugas soalannya. Jawapan yang diberikan menggambarkan tahap kematangan calon yang tinggi dan memiliki pengetahuan yang luas tentang tugas yang dikemukakan.

- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam gurindam tersebut.

Tugas soalannya ini meminta calon memberikan dua pengajaran berdasarkan gurindam tersebut. Jawapan mestilah dalam bentuk pengajaran laras Komsas seperti kita mestilah atau kita hendaklah yang menunjukkan perlunya pengajaran itu diamalkan dalam kehidupan.

Contoh jawapan

Salah satu pengajaran yang terdapat dalam gurindam tersebut ialah kita haruslah sentiasa menghormati seseorang. Kita tidak boleh menggunakan perkataan kasar apabila sedang bercakap dengan seseorang. Selain itu, kita mestilah berfikir secara rasional. Sebelum bercakap sesuatu kepada orang, kita mestilah berfikir jika perkataan tersebut baik atau tidak.

Dua pengajaran beserta huraian dengan tepat seperti yang dikehendaki oleh tugas soalannya mampu diberikan. Calon mampu memberikan dua isi dalam bentuk pengajaran yang jelas. Bahasa yang digunakan boleh difahami dan sesuai. Hal ini menunjukkan calon mempunyai tahap penguasaan yang tinggi dalam pemahaman aspek sastra.

Soalan 3 - (Pengetahuan dan kemahiran bahasa)

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*
- (i) bertukar
 - (ii) pertukaran
 - (iii) bertukar-tukar
 - (iv) berkira
 - (v) perkiraan
 - (vi) berkira-kira

Tugas soalannya meminta calon membina satu ayat bagi setiap perkataan yang disenaraikan untuk menunjukkan calon memahami maksud dan penggunaannya.

Contoh jawapan 1

	Pengertian dan kemahiran bahasa
a. i.	bertukar
	Pondok kayu itu telah bertukar menjadi abu dalam sekelip mata kerana dijilat oleh api somalam.
ii.	pertukaran
	Sistem pertukaran barang sama nilai yang telah diamalkan suatu masa dahulu telah bertukar kepada penggunaan sistem mata wang.
iii.	bertukar-tukar
	Azmael sudah menjadi buah mulut bagi pelajar perempuan di sekolahnya kerana sikapnya yang gemar bertukar-tukar pasangan.
iv.	berkira
	Masyarakat tidak digalakkan untuk berkira dalam menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan agar ekonomi negara dapat dipertingkatkan bersama.
v.	perkiraan
	Perkiraan tahun hijrah bermula apabila berlakunya penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke Madinah dari Makkah.
vi.	berkira-kira
	Pelajar Tingkatan lima sudah mula berkira-kira tanggal 7 November 2016 kerana di situlah titik

Calon dapat membina enam ayat dengan betul, jelas dan bermakna. Setiap ayat yang dibina lengkap dengan subjek dan pradiket. Setiap ayat ditulis dengan menggunakan ayat majmuk.

Contoh jawapan 2

(i) bertutur

~~Ami digetar tak penempunan kerana setiap bulan dia bertutur tetapi halangnya.~~

Apabila asid hidroklorik dicampurkan ke dalam bersama kalium hidroksida yang mengandungi penunjuk fenolftalein ^{lembutan} ~~lembutan~~ berwarna merah jambu ~~lembutan~~ bertutur menjadi tidak berwarna.

(ii) pertukaran

Program pertukaran pelajar sedikit sebanyak memberi input yang positif terhadap sesebuah sekolah.

(iii) bertukar-tukar

Amin sering bertukar-tukar baju dengan adiknya memandangkan mereka mempunyai saiz baju yang sama.

(iv) berkira

"Usahlah berkira dengan rotan kamu. Dia sudah banyak membantu kamu ketika kamu berada dalam kesesakan," nasihat ibu kepada Alya.

(v) perkiraan

Syahiah membuat beberapa perkiraan, gred purata sekolah pada tahun ini meningkat sebanyak ke tahap yang lebih baik berbanding tahun lepas.

(vi) berkira-kira

Pak Osman berkira-kira hendak membawa keluarganya meninjau ke Perth, Australia pada hujung tahun ini.

Calon berupaya membina enam ayat dengan betul, jelas dan gramatis. Setiap ayat yang dibina lengkap dan bermakna. Calon membina ayat dengan menggunakan ayat majmuk dan ayat cakap ajuk.

Calon memahami maksud setiap perkataan yang diuji dengan tepat. Ayat yang dibina adalah baik, bermakna dan gramatis berdasarkan perkataan yang diuji. Calon dapat membina setiap ayat dengan menggunakan ayat majmuk dan ayat cakap ajuk yang lengkap. Tiada kesalahan ejaan, ayat dan tatabahasa yang dilakukan oleh calon. Pembinaan ayat yang betul, bermakna dan tepat dengan tatabahasa menunjukkan pemahaman calon terhadap pola ayat dasar bahasa Melayu dan maksud perkataan yang diuji.

(b) *Tukar ayat susunan biasa di bawah kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Program Strategi Kecemerlangan SPM anjuran akhbar harian itu dihadiri oleh ramai murid tingkatan lima.
- (ii) Pasukan forum remaja sekolah kami akan pergi ke Seremban untuk menyertai pertandingan forum remaja peringkat kebangsaan.
- (iii) Sanak-saudara Pak Hashim seronok berjumpa dan berbual-bual mesra semasa sambutan Hari Keluarga yang diadakan di rumahnya baru-baru ini.

Tugasan soalan ini mengkehendaki calon menukar ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah maksud asal ayat susunan biasa.

Contoh jawapan 1

(i) Dihadiri oleh ramai murid tingkatan lima Program strategi kecemerlangan SPM anjuran akhbar harian itu.
(ii) Akan pergi ke Seremban pasukan forum remaja sekolah kami untuk menyertai pertandingan forum remaja peringkat kebangsaan.
(iii) Seronok berjumpa dan berbual-bual mesra sanak-saudara Pak Hashim semasa sambutan Hari Keluarga yang diadakan di rumahnya baru-baru ini.

Calon berjaya menukar ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang tanpa menambah dan mengurangkan perkataan ayat asal.

Contoh jawapan 2

(1) Dinadi oleh ramai murid tingkatan lima program strategi kecermerlangan SPM anjuran akhbar hancor itu.
(ii) Akan pergi ke seremban untuk menyertai pertandingan forum remaja peringkat kebangsaan parukan forum remaja sekolah kami.
(iii) Seronok berumpa dan berbual-bual mesra semasa sambutan Udn keluarga yang diadakan di rumahnya bant-baru ini sanak-saudara Pak Hushim.

Calon dapat menukar ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah imbuhan dalam ayat asal.

Calon dapat menganalisis ayat susunan biasa dengan baik. Ayat susunan biasa dapat ditukar kepada ayat susunan songsang dengan tepat tanpa mengubah maksud asal ayat susunan biasa tersebut. Calon tidak menambah dan menukar imbuhan pada perkataan asal serta tidak menggugurkan sebarang perkataan apabila menukarkan ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang. Jawapan yang dikemuka menunjukkan bahawa calon memahami struktur ayat susunan songsang yang mengalami pendepanan pradiket dengan baik.

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Daun pokok bunga tanjong pernah digunakan untuk merawat pesakit yang mengalami sakit kepala, jangkiti mata dan masalah resdung.
- (ii) Amalan minum air minerel, makan buah-buahan dan bersenam dapat memperbaiki perjalanan darah dalam badan.
- (iii) Hutan paya bakau yang menjadi tempat penyelidikan spesis hidupan laut dan ekopelancongan serta kawasan melindungi burung perlulah dikekalkan.

Tugasan soalan ini meminta calon membetulkan satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan dalam setiap ayat. Calon tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Contoh jawapan 1

(i)	- tanjong → tanjung.
	- jangkai → jangkitan.
(ii)	- mineral → mineral.
	- memperbaiki → memperbaik membaiki memperbaiki.
(iii)	- spesis → spesies.
	- melindungi → perlindungan

Calon berjaya membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan dengan mengemukakan jawapan yang betul.

Contoh jawapan 2

d)	Bil.	kata atau istilah	tatabahasa
	i)	meningkatkan - melanjutkan	di - ke ✓
	ii)	merapatkan - membiasakan	di - ke ✓
	iii)	tenteram - stabil	ketua jabatan - ketua jabatan - ketua ^{keua} ketua _{jabatan} ✓

Calon dapat membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan dengan memberikan jawapan yang betul.

Calon dapat menganalisis ayat yang diuji dengan baik. Kesalahan ejaan dan imbuhan dapat dikenal pasti dengan tepat dalam setiap ayat yang diuji. Calon dapat membetulkan semua kesalahan ejaan dan imbuhan dalam setiap ayat dengan ejaan dan imbuhan yang betul. Calon berjaya membetulkan keenam-enam kesalahan tersebut dengan mengemukakan jawapan yang tepat.

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ibu rindu akan anaknya yang meningkatkan pelajaran di negara terbit matahari.
- (ii) Dia menghadapi pelbagai masalah sejak berpindah di tempat yang baharu kerana belum dapat merapatkan diri dengan penduduk kampung.
- (iii) Menteri Kewangan mengingatkan ketua jabatan-ketua jabatan supaya mengamalkan perbelanjaan berhemat dalam keadaan ekonomi yang tidak tenteram pada masa ini.

Tugasan soalan ini meminta calon membetulkan satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa dalam setiap ayat. Calon tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Contoh jawapan 1

3 (d)	salah	Betul
	salah	Betul
i)	meningkatkan	melanjutkan
	rindu akan	merindui
ii)	merapatkan	menyejukkan
	di	ke
iii)	ketua jabatan - ketua jabatan	ketua-ketua jabatan
	tenteram	stabil

Calon berjaya membetulkan kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa dengan jawapan yang betul.

Contoh jawapan 2

(i)	- meningkatkan → melanjutkan.
-	terbit matahari → matahari terbit.
(ii)	- merapatkan → mengeratkan
-	di → ke
(iii)	- tenteram → stabil.
-	ketua jabatan - ketua jabatan → ketua - ketua jabatan.

Calon membetulkan kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa tanpa menyalin ayat asal semula.

Calon dapat menilai setiap ayat yang diuji dengan baik. Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa dapat dikesan serta dikenal pasti dengan tepat dalam setiap ayat yang diuji. Calon berjaya menggantikan kesalahan penggunaan kata atau istilah dengan perkataan yang lebih tepat penggunaannya dan membetulkan kesalahan tatabahasa dalam setiap ayat yang diuji dengan betul dan tepat.

(e) Berikan maksud peribahasa yang berikut.

- (i) Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
- (ii) Indah khabar daripada rupa.
- (iii) Alah bisa tegal biasa.

Tugasan soalan ini meminta calon memberikan maksud peribahasa yang disenaraikan dalam kertas soalan.

Contoh jawapan

ei) Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan - Apabila seseorang inginkan sesuatu, dia akan berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan untuk merealisasikan.
ii) Indah khabar daripada rupa - Sesuatu barang kelihatan baik dan berkualiti hanya pada iklan dan berita tetapi sebenarnya lebih buruk pada realitinya.
iii) Alah bisa tegal biasa - Lama - kelamaan sesuatu pekerjaan yang sukar di lakukan akan dirasakan mudah untuk di lakukan.

Maksud peribahasa dinyatakan dengan betul dan jelas oleh calon dengan menggunakan ayat sendiri.

Calon dapat memahami ketiga-tiga peribahasa yang diuji dengan baik. Jawapan bagi maksud peribahasa tersebut dapat disampaikan dengan betul, jelas dan tanpa huraian yang panjang lebar. Calon mampu membina ayat dengan betul, bermakna dan gramatis untuk menunjukkan kefahamannya terhadap maksud setiap peribahasa yang diuji dengan jelas.

Soalan 4 : Novel

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Salah satu nilai yang terdapat dalam novel yang anda kaji ialah **nilai tanggungjawab**.

Jelaskan **dua** peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab dalam sebuah novel yang anda pelajari.

Tugasan soalan ini meminta calon mengemukakan dua nilai tanggungjawab dan menjelaskan dua peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab tersebut.

Contoh jawapan 1

Novel : Leftenen Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib

a)	Berdasarkan novel yang telah saya pelajari iaitu Leftenan Adnan Wira Bangsa hasil karya Abdul Latif Talib, terdapat nilai tanggungjawab yang dipaparkan oleh watak utama iaitu Leftenan Adnan.
	Peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab ialah apabila Leftenan Adnan menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke kampung. Pada waktu itu, tentera Jepun sudah tiba ke Singapura untuk menyerang. Leftenan Adnan berasa tanggungjawab untuk menjaga keselamatan keluarganya lalu mereka dihantar ke kampung halaman rumah ibunya.
	Peristiwa yang kedua ialah apabila Leftenan Adnan menjalankan tanggungjawabnya sebagai anak sulung yang mematuhi perintah ibunya. Ibunya ingin Adnan menjadi seorang guru tetapi pada waktu itu Adnan berminat untuk menjadi askar. Kalaupun bagaimanapun, Adnan kemudian berhenti dan menjadi seorang askar.

Calon berjaya menyatakan dua peristiwa yang menunjukkan nilai tanggungjawab dalam sebuah novel yang dipelajarinya. Peristiwa yang dikemukakan bersesuaian dengan pernyataan yang diberi.

Contoh jawapan 2

Novel : Disebalik Dinora karya Dayang Noor

a)	Berdasarkan novel Di Sebalik Dinora karya Dayang Noor yang telah saya kaji di tingkatan empat, terdapat dua peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab dalam novel ini.
	Nilai tanggungjawab dapat dibuktikan dilihat melalui peristiwa Azraai Azraai menjaga keselamatan Farisha walaupun Farisha hanya adik angkatnya sahaja. Sebagai contoh, Azraai memasang 'retinal scanner' di rumah Farisha kerana bimbang akan keselamatan Farisha.
	Selain itu, nilai tanggungjawab ini juga dapat dilihat melalui peristiwa Farisha yang bertanggungjawab menjalankan tugasnya di Soft Lab. Sebagai contoh, Farisha menjalankan tanggungjawabnya untuk menggodam sistem Dinora bagi mem di Soft Lab.
	Seterusnya, nilai tanggungjawab ini juga dapat dilihat apabila Dr. Maxi menjalankan segala arahan Karl dengan penuh amanah . Sebagai contoh, Karl memintu Dr. Maxi mencari Farisha untuk menyelamatkan sistem Dinora dan beliau menemukan Farisha.

Calon berjaya menyatakan dua peristiwa yang menunjukkan nilai tanggungjawab dalam sebuah novel yang dipelajarinya. Peristiwa yang dikemukakan bersesuaian dengan pernyataan yang diberi.

Contoh jawapan 3

Novel : Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

9) Novel yang saya kaji ^{jaka} ~~adalah~~ Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin. Berdasarkan kajian saya, saya mendapati bahawa terdapat dua peristiwa yang menunjukkan nilai tanggungjawab dalam novel.

~~Antara peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab adalah peristiwa Lili di yang menyelesaikan masalah ~~ke~~ kubah yang hilang di kampung ~~di~~ kerana Lili yang bertanggungjawab~~

Antara peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab adalah peristiwa Lili menyelesaikan ~~mas~~ kemalut rumah tangga Che Jah dan Fasa. Lili merupakan individu yang bertanggungjawab akan melaporkan masalah Che Jah kepada kak Mimah serta menghantar Haka dan Rafik ke ^{pusat} ~~stakat~~ pemulihan aklal.

Selain itu, peristiwa Daniel menyelamatkan Lili yang diculik Haziq dan Rafik & juga menggambarkan nilai tanggungjawab. Hal ini kerana sudah menjadi tanggungjawab Daniel untuk menyelamatkan Lili daripada di dipan-apolah oleh Haziq dan Rafik. Jelaslah bahawa Daniel merupakan tokoh yang bertanggungjawab di dalam novel.

Calon berjaya menyatakan dua peristiwa yang menunjukkan nilai tanggungjawab dalam sebuah novel yang dipelajarinya. Peristiwa yang dikemukakan bersesuaian dengan pernyataan yang diberi.

Contoh jawapan 4

Pantai Kasih karya Azmah Nordin

9	Berdasarkan novel yang telah saya pelajari semasa di tingkatan 4 iaitu pantai kasih karya Azmah Nordin, terdapat peristiwa-peristiwa yang sedrkit sebanyak memberi nilai kepada para pembaca.
	Antara nilai tanggungjawab yang ada di dalam novel itu berdasarkan peristiwa ialah nilai tanggungjawab yang ada dalam diri seorang doktor terhadap pesakitnya. Contohnya, doktor Ratha mempersoalkan tentang pembedahan sebanyak lima kali terhadap pesakit yang bernama Chong Sion Ho. Pembedahan itu dilakukan oleh doktor Kwang tetapi mendatangkan kerakitan terhadap pesakit tersebut. Doktor Ratha berada terklian dengan nkrp doktor Kwang dan mengambil langkah langkah untuk melakukan pembedahan kali ke enam terhadap Chong Sion.
	Nilai tanggungjawab yang ada dalam novel tersebut ialah nilai tanggungjawab terhadap anak seorang ibu terhadap anaknya. Doktor Ratha membejarkan anak kandungnya yang mengalami sindrom bowen dengan penuh kasih sayang walaupun pada permulaannya, suami doktor Ratha iaitu doktor Sadis menyuruhnya untuk menggugurkan kandungan kerana kandungan tersebut mengalami ketacatan. Tetapi doktor Ratha tidak memperdulikan arahan tersebut, malah membesarkannya dengan kasih sayang yang tidak terhingga.

Calon berjaya menyatakan dua peristiwa yang menunjukkan nilai tanggungjawab dalam sebuah novel yang dipelajarinya. Peristiwa yang dikemukakan bersesuaian dengan pernyataan yang diberi.

Contoh jawapan 5

Novel : Silir Daksina karya Nizar Parman

(a)	<p>Novel yang telah saya kaji di Tingkatan lima ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat beberapa peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab dalam novel tersebut.</p> <p>Antaranya ialah nilai tanggungjawab seorang pemuda dalam meneruskan warisan ayah kandungnya. Nilai ini diton Nilai ini ditunjukkan oleh watak utama, Haqal yang bertanggungjawab mewujudkan kembali kumpulan Zapin D'Purnama yang sudah lama terkubur sejak ayah kandungnya, Abdullah bin Kayan meninggal dunia. Haqal telah mengemukakan cadangannya kepada penduduk kampung Seri Purnama agar menghidupkan kembali kumpulan Zapin D'Purnama. Malahan, Haqal juga turut menyertai persembahan Zapin dan berpasangan dengan See Hwa.</p> <p>Selain itu, nilai tanggungjawab seorang ayah tiri menampung perbelanjaan anak tirinya. Nilai ini dibuktikan oleh Abdul Fatah Ratu ayah tiri Haqal yang sanggup bertanggungjawab memberikan wang poket kepada Haqal sewaktu Haqal bertekad untuk pulang ke kampung halaman ayah kandungnya di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Ayah tiri Haqal juga menampung menyokong hasratnya itu walaupun mendapat tentangan daripada umi Haqal Ratu Rafiqah.</p>
-----	---

Calon berjaya menyatakan dua peristiwa yang menunjukkan nilai tanggungjawab dalam sebuah novel yang dipelajarinya. Peristiwa yang dikemukakan bersesuaian dengan pernyataan yang diberi.

Contoh jawapan 6

Novel : Tirani karya Beb Sabariah

a)	Novel yang telah saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah.
	Terdapat dua peristiwa di dalam novel tersebut yang menggambarkan nilai tanggungjawab. Antara peristiwanya ialah semasa Waheeda menguruskan Chalet Iwana - Iwani yang berada di tanah Cameron Highlands. Waheeda merupakan seorang yang amat bertanggungjawab dalam menguruskan chaletnya sehingga dapat menarik ramai pelancong.
	Selain itu, nilai tanggungjawab yang digambarkan dalam novel Tirani ialah apabila Zahid, iaitu suami Waheeda telah menceraikannya, Waheeda tetap bertanggungjawab dalam menjaga anaknya, Izzati seorang diri tanpa kehadiran seorang suami yang telah menceraikannya kerana sikap cemburu buta. Waheeda tidak berputus asa dalam memberatkan anaknya sebagai seorang ibu tunggal sambil menguruskan chaletnya.

Calon berjaya menyatakan dua peristiwa yang menunjukkan nilai tanggungjawab dalam sebuah novel yang dipelajarinya. Peristiwa yang dikemukakan bersesuaian dengan pernyataan yang diberi.

Contoh jawapan 7

Novel : Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

a)	Berdasarkan novel yang telah saya pelajari di tingkatan lima iaitu Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip, terdapat dua peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab.
	Peristiwa pertama yang menggambarkan nilai tanggungjawab dalam novel ialah apabila bapa utama iaitu Embang, bekerja keras untuk menyara hidup keluarganya. Embang telah bekerja sebagai penoreh getah di sebuah ladang getah untuk menjana pendapatan untuk membiayai perbelanjaan keluarganya yang susah. Selain itu, Embang juga telah maka mengembala kambing untuk meraih pendapatan tambahan untuk keluarganya. Oleh itu, peristiwa ⁱⁿⁱ telah jelas menunjukkan tanggungjawab seorang ibu ^{bapa} atau ketua keluarga terhadap anak-anaknya yang dilaksanakan oleh Embang.
	Selain itu, peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab dalam novel ialah apabila watak utama iaitu Dahlia menjatuhkan sanggup untuk ponteng sekolah semata-mata untuk menjaga adik bongsunya, Anggerik. Dahlia telah memainkan peranan sebagai seorang kakak yang bertanggungjawab kerana walaupun dia bakal menduduki peperiksaan SPM, Dahlia sanggup tidak pergi ke sekolah untuk menjaga adik-adiknya menggantikan ayahnya yang pada waktu itu dimasukkan ke hospital kerana dipukul di ulat. Dengan itu, terbukti bahawa nilai tanggungjawab terdapat di dalam novel.

Calon berjaya menyatakan satu latar masa dan huraian peristiwa dalam dua buah novel yang dipelajari semasa di tingkatan 4 dan 5.

Contoh jawapan 8

Novel : Bimasakti Menari Karya Sri Rahayu Mohd Yusop

(a) Novel yang telah saya kaji ialah Bimasakti Menari daripada karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab ialah watak utama iaitu Nurul Hafsa berjanji kepada rombongan murid-murid daripada Hiroshima, Jepun akan melesterikan alam sekitar dan mengusahakan untuk menjadi Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpanan Langit Gelap supaya mereka dapat melihat bintang Orion di langit gelap dengan mata kasar. Nurul Hafsa bertanggungjawab untuk mengusahakan dengan menjalankan aka janji ~~kepada~~ rombongan Jepun dengan sempurna dan akhirnya dia berjaya.

Selain itu, peristiwa yang menggambarkan nilai tanggungjawab ialah Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik menjalankan tugas dengan mengusahakan populasi kelip-kelip di kawasan sungai. Dengan itu, Muhammad Taufik telah dcedera oleh tiga orang tentu yang dipupah oleh Dato Johan yang menentang projek mereka. ~~Walaupun~~ Walaubagaimanapun, Nurul Hafsa masih menjalankan tugas dengan sempurna dengan mengusaha populasi kelip-kelip di kawasan sungai.

Calon berjaya menyatakan satu latar masa dan huraian peristiwa dalam dua buah novel yang dipelajari semasa di tingkatan 4 dan 5.

Ulasan jawapan calon soalan 4a

Calon memahami kehendak soalan dengan baik dan jawapan yang dikemukakan menepati kehendak soalan. Jawapan dimulakan dengan menyatakan nama sebuah novel yang dipelajari dan nama penulis novel tersebut. Calon dapat mengemukakan dua pernyataan nilai tanggungjawab dengan jelas dan tepat berdasarkan sebuah novel yang dipelajari. Dua peristiwa yang berkaitan nilai tanggungjawab juga diuraikan dengan jelas, betul dan terperinci untuk mengukuhkan nilai tanggungjawab yang dikemukakan. Jawapan calon mudah

difahami dengan penggunaan ayat yang mudah dan persembahan yang lancar. Jawapan bagi setiap nilai tanggungjawab ditulis dalam perenggan yang berasingan untuk membezakan dua nilai tanggungjawab tersebut. Jawapan yang dikemukakan menunjukkan calon menguasai plot novel yang dikaji dengan baik.

4(b)

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari huraikan **satu** latar masa bagi setiap novel tersebut.

Tugasan soalan ini meminta calon menyenaraikan satu latar masa berdasarkan dua buah novel yang dipelajari berserta huraianya.

Contoh jawapan 1

Dua buah novel yang telah saya kaji ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib dan Tirani karya Beb Sabariah.

Antara satu latar masa bagi setiap novel novel Leftenan Adnan Wira Bangsa ialah pada waktu maghrib pada waktu senja. Sebagai contoh, selepas Adnan bermain dengan dua orang adiknya ketika ~~kanak-kanak~~ ~~Pak Saidi~~ pada usia kanak-kanak lalu Pak Saidi memanggil mereka untuk masuk ke rumah kerana telah masuk waktu senja. Pak S. Tibanya waktu maghrib, Pak Saidi dan keluarga solat berjemaah di ruang tamu.

Antar Selain itu, latar masa bagi novel Tirani pula ialah pada waktu tengah hari. Sebagai contoh, Waheeda sedang membincangkan sesuatu ~~kerja~~ dengan tetamunya namun Zahid yang sedang datang ke tempat kerja Waheeda untuk mengambil Waheeda makan tengah hari bertindak menuduh Waheeda. Zahid menuduh Waheeda bermesra dan curang terhadapnya. Sekaligus, Zahid menceraikan Waheeda tanpa sebarang belas kasihan.

Calon berjaya menyatakan satu latar masa dan huraian peristiwa dalam dua buah novel yang dipelajari semasa di tingkatan 4 dan 5.

Contoh jawapan 2

Novel yang saya pelajari di Tingkatan Lima ialah novel Silit Daksina karya Nizar Parman manakala novel yang saya pelajari di Tingkatan Empat ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor.
Antara latar masa dalam novel Di Sebalik Dinara adalah pada masa lampau, 26 tahun dahulu. Azraai mengingat kembali peristiwa ketika seorang lelaki berbangsa India dan seorang lelaki Caucasian yang datang ke rumahnya. Kedua-dua lelaki tersebut menyerahkan bayi yang merupakan Farsha kepada kedua ibu bapa Azraai untuk dijadikan anak angkat. Sejak itu, Farsha menjadi keluarga angkatnya dan Azraai menganggap seperti adik kandungnya sendiri.
Seterusnya, latar masa dalam novel Silit Daksina pula adalah pada waktu malam. Penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama untuk melakukan persiapan bagi menyambut kedatangan Yang Berhormat Datuk Syaiful Azizi ke kampung tersebut. Pada malam itu, Haiqal dan Jee Hua mempersembahkan tarian zapin yang mendapat tepukan gemuruh oleh penduduk kampung yang menyaksikan persembahan tersebut. Walid, Umi dan adik angkat Haiqal turut menyaksikan persembahan tersebut.
Kesimpulannya, terdapat banyak latar masa dalam novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor dan novel Silit Daksina karya Nizar Parman.

Calon berjaya menyatakan satu latar masa dan huraian peristiwa dalam dua buah novel yang dipelajari semasa di tingkatan 4 dan 5.

Contoh jawapan 3

b) Novel yang saya di Tingkatan Empat ialah Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin. Novel yang saya kaji di Tingkatan Lima ialah Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip.

Latar masa yang terdapat dalam novel Jendela Menghadap Jalan ialah pada waktu malam. Pada waktu malam, Danel telah menyelamatkan Lili yang telah diculik oleh Rafiq dan Haziq, di sebuah pondok usang. Selain itu, peristiwa datuk membawa Rafiq dan Haziq ~~ya~~ yang teruk dibelasah ke rumahnya berlaku pada waktu malam.

Latar masa yang terdapat dalam novel Songket Berbenang Emas ialah pada malam. Pada waktu malam, kambing yang dibela oleh Embong telah dicuri orang. Selain itu, ~~perit~~ peristiwa Dahlia ^{bermimpi} dibelit seekor ular juga ^{berlaku} pada waktu malam.

Calon berjaya menyatakan satu latar masa dan huraian peristiwa dalam dua buah novel yang dipelajari semasa di tingkatan 4 dan 5.

Contoh jawapan 4

Dua novel yang saya pelajari ialah Pantai Kasih, karya Azmah Nordin dan Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Berdasarkan novel Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop, satu latar masa yang dikemukakan oleh pengarang adalah pada waktu malam. Sebagai contohnya, terdapat sekumpulan murid dari Jepun melawat ke Kuala Selangor untuk mencerap bintang-bintang di langit gelap pada waktu malam. Namun begitu, mereka berasa sedih kerana bintang-bintang tidak dapat dilihat atas masalah pencemaran cahaya di Kuala Selangor. Pada malam itu, Nurul Hafsa membuat keputusan untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai kawasan Simpan Langit Gelap untuk menyelamatkan Kuala Selangor daripada pencemaran cahaya.

Berdasarkan novel Pantai Kasih, karya Azmah Nordin, satu latar masa yang dikemukakan oleh pengarang adalah pada waktu malam. Sebagai contohnya, Doktor Raiha pulang ke tempat tinggalnya selepas bekerja sehari di Pusat Rawatan Pantai Kasih pada waktu malam. Hal ini kerana Raiha ingin menghilangkan tekanan hidupnya. Antara tekanan hidup yang dihadapi olehnya adalah keruntuhan rumah tangganya.

Calon berjaya menyatakan satu latar masa dan huraian peristiwa dalam dua buah novel yang dipelajari semasa di tingkatan 4 dan 5.

Contoh jawapan 5

b) Berdasarkan novel Bimosakti Menanti karya Sri Rahayu Mohd Yusop, latar masa yang dipilih ialah pada waktu malam. Pada waktu malam yang merupakan hari pertama Nurul Hafsa bekerja di Balai Cerap Sultan Salahuddin, mereka telah didatangi setombongan pelajar sekolah dan gurunya untuk melihat keindahan di langit dan untuk mencerap bintang. Namun, pada malam ~~itu~~ itu, Nurul Hafsa hanya mampu memberitahu dan menceritakan kepada mereka tentang buruj sahaja. Hal ini kerana, bintang-bintang tidak dapat dilihat disebabkan pencahayaannya yang sangat terang. Hal ini menyebabkan para pelajar tersebut sedih dan Nurul Hafsa juga berasa sedih. Oleh itu, selepas tamat kerjanya pada malam itu, Nurul Hafsa dan abangnya ke Kuala Selangor untuk melihat kawasan yang masih didiami oleh populasi kelip-kelip.

Berdasarkan novel Partai Kasih karya Azmah Mardah pula ialah latar masa yang dipilih ialah pada waktu siang. ~~Raiha mendapat panggilan~~ Raiha menjalani pembedahan ke atas Unong Siren untuk kali keenam. Selain itu, pada waktu siang juga berlaku suatu kejadian di mana tiba-tiba Felicia ditahan oleh seorang doktor yang tidak dikenali dan menyamui sambil meletakkan pisau di dada Felicia. Namun perkara itu diselesaikan oleh ibu Unong Siren kerana pemuda itu merupakan jiran sebelah kampungnya yang mempunyai masalah mental. Ibu Unong Siren menggunakan cara dengan mengatakan bahawa dia perlu merawat anaknya, Unong Siren. Dalam ketika itu, dia tahan dan dihantar ke hospital sakit mental.

Calon berjaya menyatakan satu latar masa dan huraian peristiwa dalam dua buah novel yang dipelajari semasa di tingkatan 4 dan 5

Ulaskan jawapan calon soalan 4b

Calon memahami tugas soal dengan baik. Jawapan dimulakan dengan menyenaraikan dua buah novel yang dipelajari dan nama penulis kedua-dua novel tersebut. Satu latar masa yang betul dapat dikemukakan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari. Peristiwa latar masa bagi setiap novel diuraikan dengan jelas, terperinci dan tepat berdasarkan situasi yang berlaku dalam novel.

Persembahkan jawapan calon tersusun, kemas dan mudah difahami dengan menggunakan ayat sendiri. Jawapan bagi setiap novel disampaikan secara berasingan dalam perenggan yang berbeza untuk menunjukkan perbezaan latar masa bagi kedua-dua buah novel. Jawapan yang dikemukakan menunjukkan pemahaman calon yang tinggi dan menguasai kedua-dua novel dengan baik. Calon dapat menyampaikan jawapannya dengan menggunakan ayat yang betul dan mudah.

SARANAN KEPADA CALON

1. Banyakkan latihan.
2. Latihan berfokus kepada format soalan peperiksaan yang sebenar.
3. Membina kumpulan perbincangan dalam pembelajaran.
4. Menguasai teknik menjawab soalan.
5. Menggunakan perkataan dan ayat sendiri semasa menjawab soalan pemahaman.
6. Membiasakan menjawab soalan dengan meletakkan diri anda sebagai orang yang berperanan sebagai orang yang melaksanakan sesuatu.
7. Jumlah markah pada setiap soalan perlu dijadikan panduan semasa menjawab.
8. Membaca dengan teliti dan memahami dengan jelas setiap arahan soalan.
9. Menguasai perbendaharaan kata dan asas tatabahasa.
10. Menguasai sistem ejaan bahasa Melayu.
11. Menjadikan Kamus Dewan dan Tatabahasa Dewan sebagai rujukan.
12. Membaca buku teks komponen sastera dan menguasai isi kandungannya.
13. Membaca dan memahami isi kandungan dua buah novel yang dikaji mengikut aspek kajian komponen sastera.
14. Banyakkan membaca akhbar dan majalah ilmiah untuk menambahkan kemahiran berfikir aras tinggi.
15. Menjadikan kamus peribahasa sebagai rujukan tambahan agar dapat menguasai aspek peribahasa.
16. Digalakkan menghadiri seminar atau kem bahasa semasa cuti sekolah bagi menambahkan ilmu dalam kebahasaan.
17. Digalakkan membaca dan meneliti jawapan yang terbaik yang dihasilkan oleh kalangan murid sebagai panduan diri untuk menjawab soalan.
18. Sentiasa berfikiran terbuka untuk membaca novel yang dipelajari semasa berada di tingkatan empat dan lima.

SARANAN KEPADA GURU

1. Gunakan bahan pelajaran yang boleh menjana minda pelajar terutamanya penggunaan akhbar, majalah dan sebagainya.
2. Sentiasa mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran sendiri.
3. Menguasai format dan teknik menjawab soalan yang betul.
4. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjut berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
5. Sentiasa merujuk buku Tatabahasa Dewan.
6. Sentiasa menggunakan kamus dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
7. Teks komsas perlu diberikan penekanan terutama aspek kajian sastera yang dijadikan soalan peperiksaan.
8. Soalan-soalan yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi perlu diperbanyakkan supaya pelajar dapat memberikan pendapat yang bernas.
9. Guru perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran yang terkini.
10. Membentuk soalan peperiksaan dalaman yang mencapai tahap peperiksaan sebenar atau dapat menguasai JSI.
11. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini.
12. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea.
13. Menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
14. Laporan Kupasan Mutu Jawapan Calon terbitan LPM mesti dihayati oleh semua guru Bahasa Melayu.
15. Membentuk “ Future Classroom “ dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.
16. Guru Bahasa Melayu wajib menjadi pemudahcara di dalam kelas.
17. Guru Bahasa Melayu wajar banyak membina item yang meletakkan murid berperanan sebagai pelaku utama untuk melaksanakan sesuatu usaha atau menyelesaikan sesuatu masalah.
18. Guru Bahasa Melayu wajar menjadi pemeriksa kertas Bahasa Melayu bagi menambahkan kompetensi terhadap mata pelajaran yang diajar.
19. Guru Bahasa Melayu digalakkan mengadakan penandaarasan ke sekolah lain khusus dalam aspek pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Bahasa Melayu.
20. Guru Bahasa Melayu wajar menghadiri seminar atau bengkel atau kovensyen yang berkaitan dengan kebahasaan di pelbagai peringkat bagi menambahkan ilmu.